



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 39 Tahun 2019**

**TAWARAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT  
STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA DI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU  
TAHUN 2019**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

**LATAR BELAKANG**

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii. Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi. Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
- vii. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1.

## PELAKSANAAN


4. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:
  - i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
  - ii. Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
  - iii. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
  - iv. Hanya pemohon yang telah disenarai pilih akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaraian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - v. Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - vi. Tarikh tutup permohonan adalah pada 10 Disember 2019.  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

## TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 26 November 2019.

## TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 26 November 2019.



**HAJAH SA'ADAH IBRAHIM**  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada :

Rektor Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Bil. Fail : 100-BPD(/PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil. 39 / 2019)

**Kumpulan Pelaksana I**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Penempatan</b>	<b>Jumlah Kekosongan</b>	<b>Kategori Staf Yang Layak Mohon</b>
1.	Pembantu Pustakawan Kanan	S22	Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu	1	Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

1. i. Jawatan : Pembantu Pustakawan Kanan
- ii. Gred Jawatan : S22
- iii. Kekosongan : 1
- iv. Syarat Kelayakan :

Pembantu Pustakawan Gred S19 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pustakawan Kanan Gred S22 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji S22

<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>	<b>Kadar KGT</b>
RM2,252.00	RM4,693.00	RM115.00